

# Pakar syor guna pendekatan hibrid

## Langkah lanjutan tempoh sekatan penuh bagi landaikan jangkitan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disyor menggunakan pendekatan hibrid, bagi melandaikan penularan COVID-19 susulan langkah melanjutkan tempoh sekatan pergerakan penuh selama 14 hari lagi bermula Isnin ini.

Ini kerana, sasaran utama pelaksanaan langkah itu adalah untuk melandaikan penularan COVID-19, tetapi setakat ini belum menunjukkan penurunan pada kadar yang signifikan.

Pakar epidemiologi dan biostatistik dari Universiti Putra

Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata ia perlu menggabungkan kebenaran kepada industri beroperasi dan lanjutan sekatan pergerakan penuh ke atas sebahagian penduduk.

Katanya, pendekatan hibrid menggabungkan sekatan pergerakan penuh tetap diteruskan terhadap sebahagian besar rakyat, selain meningkatkan kadar vaksinasi dan memperkuh kawalan menerusi kaedah kesihatan awam.

"Selain itu, kerajaan boleh membenarkan premis pekerjaan beroperasi semula jika 50 hingga 80 peratus kakitangan mereka sudah menerima suntikan vaksin COVID-19

"Merit perlu diberi kepada industri yang sudah menerima vaksin. Faktor kepatuhan prosedur operasi standard (SOP) dan tiada perhimpunan besar dilihat sudah tidak begitu sesuai dijadikan syarat pengoperasian semula.

"Ini berikutan tahap kepatuhan tidak dapat dikekalkan berdasarkan peningkatan kes baru-baru ini," katanya kepada

BH, semalam.

Semalam kerajaan mengumumkan lanjutan sekatan pergerakan penuh di seluruh negara selama 14 hari lagi, selepas fasa pertama tamat Isnin ini.

Sementara itu, pakar epidemiologi perubatan dan kesihatan awam Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Kamarul Imran Musa, berkata sekurang-kurangnya empat kriteria perlu dipertimbangkan kerajaan dalam menentukan tempoh peralihan fasa sekatan pergerakan penuh.

Beliau berkata, kriteria itu ialah penurunan bilangan kes harian COVID-19, jumlah kemasukan ke wad, bilangan kes di unit rawatan rapi (ICU), kadar positif ujian saringan dan jumlah penerima vaksin.

Selain itu katanya, peralihan fasa sekatan pergerakan boleh ditentukan melalui bilangan kemasukan ke wad atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) yang mampu mengurus sistem kesihatan awam.

"Sekatan pergerakan bertujuan melandaikan penularan CO-

“ Kerajaan boleh membenarkan premis pekerjaan beroperasi semula jika 50 hingga 80 peratus kakitangan mereka sudah menerima suntikan vaksin COVID-19 ”

Dr Malina Osman,  
Pakar epidemiologi dan biostatistik UPM



“ Kerajaan perlu memantau jumlah kes di ICU mampu diuruskan hospital, selain memastikan jumlah dan kadar ujian positif kurang daripada 5 peratus ”



Dr Kamarul Imran Musa,  
Pakar epidemiologi perubatan dan kesihatan awam USM

VID-19 dalam komuniti hingga hampir sifar melalui kawalan sangat ketat serta pendekatan cari, uji, jejak, asing dan sokongan (FTTIS) kuat dan terkoordinasi.

"Kerajaan juga perlu memantau jumlah kes di ICU mampu diuruskan hospital, selain memastikan jumlah dan kadar ujian positif kurang daripada lima peratus dan jumlah penerima vaksin.

"Bagaimanapun, perincian mengenai angka yang sesuai mungkin berbeza bagi setiap negeri kerana bergantung pada tahap fasiliti dan kemampuan masing-masing," katanya.

Dr Kamarul Imran turut mengakui sekatan pergerakan menghasilkan petanda positif,

didorong peningkatan aktiviti FTTIS kesihatan awam di lapangan, sejak beberapa bulan lalu.

Katanya, perubahan tingkah laku masyarakat turut menyumbang perubahan itu apabila pemakaian pelitup muka mencatat peningkatan 10 peratus, selain pergerakan rakyat berkurangan 30 peratus sejak pertengahan April lalu.

"Pengurangan jumlah saringan ketika ini juga tidak membimbangkan kerana kadar positif COVID-19 turut mencatatkan penurunan di kebanyakan negeri.

"Namun, kerajaan dan semua agensi perlu melipatgandakan gerak kerja FTTIS, manakala rakyat meningkatkan amalan pematuhan SOP," katanya.